



Panduan Penggunaan Sistem i-Kariah (Sistem Pencalonan Keanggotaan Jawatankuasa Kariah Negeri Perak)

PENGGUNA (User)

Pembukaan akaun

1. Pengguna hendaklah buka laman utama Sistem Pencalonan Keanggotaan Jawatankuasa Kariah Negeri Perak (Sistem i-Kariah) di <https://jaipk.perak.my/ikariah>
2. Pengguna perlu klik **Daftar** untuk mula menggunakan sistem
3. Pengguna perlu mengisi maklumat seperti yang berikut:
 - a. Nama
 - b. No.Kad Pengenalan
 - c. No.Telefon
 - d. Kata Laluan (Password)
 - e. Daerah
 - f. Masjid
 - g. Pilih sama ada wakil Jawatankuasa Kariah atau pihak luar. Bagi wakil Jawatankuasa Kariah, sila pilih jawatan yang dipegang.
4. Pengguna perlu klik butang **Daftar** untuk simpan dan klik butang **Kembali** untuk log masuk.
5. Pengguna perlu mengisi **ID Pengguna (No. Kad Pengenalan)** dan **Kata Laluan (Password)** untuk **Log Masuk**.

Pendaftaran Calon Jawatankuasa Kariah

6. Selepas berjaya **Log Masuk**, akan muncul paparan yang tertulis :-
 - i) **Ciri-Ciri Kelayakan Keanggotaan Jawatankuasa Kariah, dan**
 - ii) **Had Kuota Bagi Keanggotaan Jawatankuasa Kariah.**

Had umur maksima bagi semua calon adalah tidak lebih 70 tahun kecuali wakil belia & beliawanis iaitu tidak lebih 40 tahun pada tahun 2022.

Sila baca dengan teliti dan fahami sebelum mula mengisi senarai nama calon anggota jawatankuasa kariah.

7. Pengguna perlu klik butang **+ Tambah Jawatankuasa** untuk mula mengisi senarai nama calon anggota jawatankuasa kariah yang berkenaan.

PERINGATAN : **“Pastikan setiap calon bersetuju namanya disenaraikan dalam keanggotaan Jawatankuasa sebelum diisi”**

8. Pengguna perlu mengisi maklumat seperti yang berikut:

a. Jawatan

- i. Pengerusi (1 orang)
- ii. Timbalan Pengerusi (1 orang)
- iii. Setiausaha (1 orang)
- iv. Penolong Setiausaha (1 orang)
- v. Bendahari (1 orang)
- vi. Ahli Jawatankuasa
 - > Sila pilih Kuota
 - >> Wakil Belia (2 orang)
 - >> Wakil Beliawanis (1 orang)
 - >> Wakil Wanita (1 orang)
 - >> Wakil Pegawai Masjid (Imam) (1 orang)
 - >> Wakil Masjid Ghairul Jamek** - Sila masukkan nama masjid
 - >> Wakil Surau** – Sila masukkan nama surau

** *Sila isikan jika berkaitan*

b. Nama calon

c. Alamat Penuh Calon

d. No. Kad Pengenalan Calon

e. No. Telefon Calon

h. Pekerjaan Calon

9. Pengguna perlu klik butang **Simpan** untuk menyimpan maklumat.

10. Klik butang **+ Tambah Jawatankuasa** untuk tambah calon

11. Pengguna boleh klik butang **Kemaskini (Edit)** untuk ubah dan pembetulan

12. Pengguna boleh klik butang **Simpan (Save)** setelah pembetulan dilakukan

13. Pengguna boleh klik butang **Buang (Delete)** untuk hapus

14. Pengguna boleh klik butang **Cetak (Print)** untuk mencetak

15. Pengguna boleh klik butang **Papar & Semak** untuk melihat senarai penuh Borang Penamaan Calon Keanggotaan Jawatankuasa Kariah dan membuat semakan. **Had minima** senarai pencalonan adalah **sepuluh (10) orang calon**.

16. Setelah selesai mengisi, butang **Hantar Dan Cetak** akan timbul di sebelah kanan atas paparan. Pastikan maklumat lengkap sebelum klik butang **Hantar Dan Cetak**. Tiada lagi perubahan atau pembetulan yang boleh dibuat selepas ini.

Setelah Pengisian

17. Setelah pengisian, pengguna perlu mencetak borang-borang seperti yang berikut:
 - a. Borang Biodata Calon bagi setiap calon yang diisi **(Borang JK1.A)**
 - b. Borang Penamaan Calon Keanggotaan Jawatankuasa Kariah / Pentadbiran Masjid **(Borang JK1)**
 - c. Senarai Semak

18. Sebelum diserahkan kepada Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) di Pejabat Agama Daerah, pengguna perlu melengkapkan maklumat tambahan seperti yang berikut:
 - a. Tandatangan setiap calon pada Borang Biodata Calon **(Borang JK1.A)**
 - b. Salinan Kad Pengenalan Calon

19. Setelah semua maklumat dilengkapkan iaitu:
 - a. Borang Biodata Calon yang telah ditandatangani **(Borang JK1.A)**
 - b. Salinan Kad Pengenalan Calon
 - c. Borang Penamaan Calon Keanggotaan Jawatankuasa Kariah / Pentadbiran Masjid **(Borang JK1)**

20. Pengguna perlu menghantar ke Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) di Pejabat Agama Daerah **sebelum tarikh tutup 30hb April 2021.**

*****Tertakluk kepada perubahan**

Disediakan oleh,

**Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Perak**